

Adat Perpatih, Tanah dan Pembangunan Pertanian di Negeri Sembilan

AZIZAH KASSIM*

Tujuan Kajian

DUA kurun selepas perantau Minangkabau membuka perkampungan dan memperkenalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan, adat ini masih lagi diamalkan di beberapa tempat di negeri ini. Di daerah Kuala Pilah, Tampin, Rembau, Jelevu dan Jempol khasnya, dalam beberapa bidang hidup, rakyat masih tertakluk kepada peraturan Adat Perpatih. Antara perkara-perkara yang berkait secara langsung dengan adat ini ialah pemilikan dan pewarisan Tanah Pusaka Adat (*customary land*).

Sejak merdeka lagi bermacam-macam usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membangunkan pertanian di kawasan luar bandar. Usaha-usaha ini dipergiatkan selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971, dan pada tahun 1984 pula kerajaan melancarkan Dasar Pertanian Negara dengan tujuan untuk memodenkan sektor pertanian di luar bandar. Kawasan-kawasan luar bandar di Negeri Sembilan, seperti juga negeri-negeri lain di Malaysia turut menerima projek-projek pembangunan pertanian ini. Namun begitu, sejak dari tahun tujuh-puluhan pertanian di Negeri Sembilan tidak menunjukkan sebarang kemajuan, malahan kegiatan pertanian khasnya bersawah padi dan penorehan getah terus merosot. Menurut statistik yang ada dalam tahun 1981, 97.8% dari seluruh tanah sawah yang berjumlah 14,758 hektar adalah terbiar,¹ 63.6% (9,386 hektar) terbiar secara berpanjangan (Lihat Jadual 1). Kadar tanah padi terbiar di Negeri Sembilan adalah yang terburuk di kalangan negeri-negeri di Semenanjung. Tidak ada angka-angka yang mutakhir mengenai hal ini, namun penulis menganggarkan dari pemerhatian sendiri bahawa bilangan tanah sawah terbiar lebih kurang sama dengan tahun 1981.

Tanaman getah di Negeri Sembilan berjumlah 255,596 hektar pada tahun 1986, iaitu kira-kira 50.2% dari semua tanah pertanian di negeri itu. Lebih 60% dari tanah getah ini terletak di daerah Jempol dan Kuala Pilah. Namun

* Profesor Madya di Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya.

¹ Mengikut takrifan kerajaan, tanah terbiar ialah tanah yang tidak dikerjakan lebih dari tiga tahun.

begitu tidak ada angka-angka rasmi tentang tanah getah yang terbiar. Penulis difahamkan usaha untuk membuat *survey* tanah getah terbiar amatlah sulit. Kebun-kebun getah sebahagian besarnya terletak jauh dari kawasan perkampungan. Oleh yang demikian kebun yang terbiar tidak mudah dilihat dan masalah yang terbit darinya tidak terlalu menonjol seperti keadaan tanah sawah yang terbiar. Isu tanah getah terbiar kurang diperbincangkan oleh pentadbir dan ahli politik, maka oleh itu tidak ada desakan untuk membuat perangkaan tentang masalah ini. Di samping itu, definisi tanah terbiar (iaitu tanah yang tidak dikerjakan lebih dari tiga tahun) seperti yang ada sekarang, tidak mudah diaplikasikan kepada tanaman kekal (*perenials*) seperti getah.

Jadual 1
Anggaran Tanah Sawah Terbiar, Semenanjung Malaysia 1981
(hektar)

Negeri	Saiz Sawah	Sawah Terbiar (Saiz dan Peratusan)		
		Berterusan	Di Luar Musim	Jumlah
Negeri Pengeluar Utama				
Kedah	124,588	4,358 (3.5%)	288 (0.2%)	4,646 (3.7%)
P. Pinang	18,198	5,633 (30.9%)	840 (4.6%)	6,473 (35.5%)
Perak	50,547	9,026 (17.7%)	2,744 (5.4%)	11,770 (23.1%)
Selangor	20,662	1,427 (6.9%)	293 (1.4%)	1,720 (8.3%)
Kelantan	84,426	20,009 (23.7%)	2,037 (2.4%)	22,046 (26.1%)
Terengganu	29,136	7,028 (24.1%)	10,101 (34.7%)	17,129 (58.8%)
Jumlah Kecil	327,557	47,481 (14.8%)	76,303 (23.3%)	123,784 (37.7%)
Negeri Bukan Pengeluar Utama				
Perlis	25,750	—	1,880 (7.3%)	1,880 (7.3%)
N. Sembilan	14,753	9,386 (63.6%)	5,040 (34.2%)	14,426 (97.8%)
Malacca	11,497	3,334 (28.9%)	3,334 (28.9%)	6,668 (57.8%)
Johore	4,239	1,681 (39.7%)	881 (20.8%)	2,562 (60.5%)
Pahang	17,990	9,989 (55.5%)	1,632 (9.1%)	11,621 (64.6%)
Jumlah Kecil	74,229	24,390 (32.9%)	12,767 (17.2%)	37,157 (50.1%)
Jumlah Besar	401,786	71,871 (17.9%)	89,070 (22.1%)	160,941 (40.0%)

Sumber: Diterjemah dan disesuaikan daripada Zulkifly Hj. Mustafa & Shaik Mohd Noor Alam, 1985: 40.

Kemerosotan pertanian seringkali diperbincangkan oleh pentadbir-pentadbir di jabatan kerajaan yang terlibat terus dengan pertanian, dan juga oleh para akademik yang berminat. Di Negeri Sembilan, antara perkara-perkara yang selalu disebutkan sebagai punca kemunduran pertanian ialah

Adat Perpatih, khasnya sistem pemilikan tanahnya. Apakah amalan adat, terutamanya pemilikan tanah mengikut adat ini benar-benar menghalang kemajuan pertanian? Inilah persoalan pokok yang dibincangkan di sini.

Data untuk rencana ini adalah hasil dari kerja lapangan mengikut kaedah antropologi yang dijalankan di Mukim Seri Menanti, daerah Kuala Pilah. Kajian ini telah dijalankan secara berperingkat-peringkat mulai September 1986 hingga awal tahun ini. Tumpuan kajian ialah sepuluh buah kampung tradisional di mukim tersebut. 200 buah rumahtangga diambil sebagai sampel kajian untuk mendapat maklumat mengenai data asas sosio-ekonomi. Sebagai tambahan senarai daftar tanah dalam '*Mukim Registers*' di pejabat tanah daerah Kuala Pilah dikaji dengan terperinci untuk menilai pola pemilikan dan pewarisan di Mukim Seri Menanti, dan temubual dijalankan dengan pentadbiran yang terlibat dalam pembangunan pertanian serta ketua-ketua di peringkat kampung, khasnya ahli-ahli Jawatankuasa kemajuan dan Keselamatan kampung (JKKK) dan ketua-ketua Adat.²

Seri Menanti dan Penduduknya: Satu Tinjauan Seimbis

Seri Menanti ialah salah satu dari sebelas buah mukim dalam daerah Kuala Pilah. Mukim ini berukuran kira-kira 7,769.971 hektar, dan mengandungi kira-kira 60 buah kampung tradisional yang ditadbirkan di bawah 15 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Penduduknya pula pada tahun 1986 berjumlah 7,471 yang terdiri dari 1,388 rumahtangga. Sebilangan besar dari mereka, iaitu 99.7% adalah orang Melayu, sementara yang lainnya orang Cina dan India. Di antara golongan etnik yang berlainan ini terdapat pemisahan dari segi ruang dan perbezaan pekerjaan. Orang Melayu menetap di kawasan perkampungan dan lebih banyak terlibat dalam pertanian sementara yang bukan Melayu pula tinggal di kawasan pekan kecil Seri Menanti dan Tanjung Ipoh sambil bergiat dalam bidang perniagaan. Oleh kerana fokus kajian di sini ialah orang Melayu maka dalam huraian selanjutnya golongan Cina dan India tidak akan disentuh langsung.

Penduduk Melayu di sini (kecuali yang datang dari luar Negeri Sembilan)³ menyusur-galur keturunan mereka kepada orang-orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan hampir dua kurun yang lampau. Dari pendatang Minangkabau inilah mereka mewarisi sistem sosial yang berteraskan sistem kekeluargaan nasab ibu yang dikenal sebagai Adat Perpatih. Pada zaman lampau, iaitu sebelum kedatangan pentadbiran penjajahan Inggeris, peraturan-peraturan yang terbit dari Adat Perpatih ini mengawal keseluruhan hidup masyarakat, meliputi bidang sosio-ekonomi dan politik. Pada masa ini struktur sosial adat ini masih dikekalkan, tetapi kuasa adat ini amat terhad, tertumpu sebahagian besarnya kepada bidang '*rituals*' dan tadbiran "harta-harta" Adat Perpatih.

Organisasi sosial Adat Perpatih bermula dari satu sistem ekonomi pertanian sara-diri, di mana usaha bercucuk tanam, khasnya tanaman padi,

2 Penyelidikan ini dibuat di bawah naungan JSPS-VCC (Japanese Society for the Promotion of Science and Vice-Chancellors Council of Malaysia) dan dibiayai oleh Yayasan Hitachi, Jepun.

3 Penduduk Melayu Seri Menanti yang datang dari luar terdiri dari keluarga pekerja kerajaan yang bertugas di Pejabat Pos, Jabatan Pertanian, Polis, Pusat Kesihatan, dll.

dan mengutip serta meramu hasil alam semula jadi merupakan mata pencarian yang utama. Corak ekonomi sara-diri ini berubah apabila getah diperkenalkan oleh kerajaan British pada awal kurun masihi kedua puluh. Sehingga tahun enam-puluhan, bersawah padi dan menoreh getah menjadi pekerjaan utama masyarakat Adat Perpatih, khususnya di Seri Menanti. Selepas itu corak ekonomi masyarakat di sini berubah lagi disebabkan, antara lain, adanya peluang-peluang kerja di tempat-tempat lain yang mendorong sebilangan penduduk-penduduk di sini untuk berhijrah; pembangunan sosio-ekonomi setempat dan perubahan alam sekitar.

Pada masa sekarang, ekonomi penduduk di mukim ini tidak banyak lagi bergantung kepada pertanian. Hanya 14% dari 200 rumahtangga yang dikaji bergantung terus kepada pertanian sebagai sumber mata pencarian utama. Yang lain-lainnya bertani secara sambilan, sementara punca pendapatan utama ialah sumber-sumber di luar bidang pertanian.

Pemilikan dan Pewarisan Tanah Dalam Masyarakat Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih memiliki tanah yang dikategorikan sebagai Tanah Pusaka Adat. Di samping itu mereka juga memiliki tanah jenis lain iaitu tanah Simpanan Melayu dan tanah "milik bebas" seperti yang akan diuraikan selanjutnya. Pemilikan dan pewarisan tanah yang berlainan jenisnya ini tertakluk kepada peraturan yang berbeza-beza.

Tanah Pusaka Adat

Pada teorinya tanah ini adalah milik koporat kepunyaan kumpulan kekeluargaan yang dipanggil suku. Namun begitu pada praktiknya, tanah-tanah ini, yang dipecahkan kepada lot yang bersaiz kecil (antara 0.1 hektar hingga 1 hektar) didaftarkan di bawah nama anggota suku yang perempuan. Pewarisan tanah ini adalah melalui nisab itu, iaitu dari seorang wanita kepada anak-anaknya yang perempuan sahaja dengan cara pembahagian sama-rata. Anak lelaki tidak boleh mewarisi tanah ini; walau bagaimanapun, mereka ada hak untuk menggunakan tanah tersebut tetapi hak ini tidak boleh diwariskan kepada anak-anak mereka. Tanah ini hanya boleh dipindah-milik kepada ahli satu-satu suku sahaja terutamanya di kalangan ahli-ahli keluarga terdekat. Pindah milik dan pewarisan hanya dibuat dengan persetujuan Buapak dan Lembaga.

Jumlah Tanah Adat di seluruh Negeri Sembilan ialah 1,382.6 hektar, dan dari jumlah ini 720 hektar atau 52.1% terletak di daerah Kuala Pilah. Tidak ada angka rasmi tentang jumlah Tanah Pusaka Adat di peringkat mukim.

Tanah Pusaka Adat terdiri sebahagian besarnya dari tanah sawah dan tanah untuk perumahan yang dikenali sebagai tanah kampung; sementara sebilangan kecil pula dari kebun getah, tebat dan dusun buah-buahan. Tanah jenis ini mula didaftarkan sekitar tahun 1870an dan pada awal abad kedua-puluh pendaftaran tanah Pusaka Adat nampaknya mula dihentikan. Oleh yang demikian, jumlah Tanah Pusaka Adat tidak bertambah sejak kira-kira lapan dekad kebelakangan ini, malah jumlah ini berkurangan akibat pengambilan oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan iaitu untuk membuat jalan, surau, mesjid, balai raya, parit, rizab jalan, dll. Sementara itu, anggota

tiap-tiap suku pula telah bertambah dan akibatnya didapati sekarang pemecahan Tanah Pusaka Adat kepada lot-lot yang kecil, dan juga pemilikan lot berkenaan secara beramai-ramai oleh dua orang pemilik atau lebih.

Untuk memahami dengan lebih mendalam pola pemilikan Tanah Pusaka Adat ini, penulis telah meneliti 62 lot tanah jenis ini di mukim Seri Menanti dengan menggunakan *Mukim Register* di Pejabat Tanah Kuala Pilah. Dari kajian ini didapati lot tanah kampung yang terkecil sekali ialah 0.1 hektar dan terbesar 1.1 hektar. Bagi tanah sawah pula lot yang paling besar ialah 1.8 hektar dan yang terkecil 0.2 hektar. Hanya 21% dari lot tersebut dimiliki oleh individu perseorangan, sementara lain-lainnya adalah pemilikan secara berkongsi di antara dua hingga lima-belas orang.

Berdasarkan bilangan nama-nama yang didaftar sebagai pemilik lot-lot berkenaan, maka pemilikan purata bagi tiap-tiap orang ialah kira-kira 0.2 hektar bagi tanah kampung dan 0.1 hektar bagi tanah sawah. Tetapi kadar pemilikan ini tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya. Ada di antara orang-orang yang didaftarkan namanya sebagai pemilik sudah lama meninggal dunia dan lot kepunyaan mereka ini belum dipindah milik kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka yang ramai bilangannya. (Lihat Azizah Kassim 1988: 12—17). Jumlah pemilik, sebenarnya, lebih ramai dari yang didaftarkan dalam *Mukim Register*. Jadi pada hakikatnya, purata pemilikan bagi tanah kampung dan sawah adalah jauh lebih rendah dari yang dapat dirumuskan dari rekod pendaftaran tanah di pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah.

Tanah Simpanan Melayu

Kalau Tanah Pusaka Adat sebahagian besarnya terdiri dari tanah kampung dan sawah, Tanah Simpanan Melayu pula lebih banyak diusahakan untuk tanaman getah. Dari 225 lot tanah yang dikaji, 71.4% adalah kebun getah, sementara yang lain-lainnya dikategorikan sebagai sawah (4.2%), tanah kampung (10.6%), kebun buah-buahan (4.7%), tebat (1.2%), kampung dan sawah (1.2%), dan 6.7% pula tidak ditentukan syarat kegunaannya. Lot-lot berkenaan berbeza-beza saiznya, dari 0.1 hektar hingga 3.6 hektar, namun begitu sebilangan besar dari lot-lot ini iaitu kira-kira 75.8% berukuran di bawah 1.2 hektar. Berdasarkan senarai nama pemilik yang berdaftar, purata saiz pemilikan perseorangan ialah 0.45 hektar. Pada hakikatnya purata saiz pemilikan perseorangan adalah lebih rendah memandangkan ada di antara pemilik tersebut telah lama meninggal dunia dan lot belum dialih-nama.

Perwarisan tanah jenis ini tidak tertakluk kepada peraturan Adat Perpatih, tetapi mengikut agama Islam iaitu hukum Faraid yang memberi hak kepada lelaki serta perempuan. Mengikut hukum ini pembahagian hak di antara kedua jantina ini ialah $\frac{2}{3}$ untuk lelaki dan $\frac{1}{3}$ untuk perempuan. Walau bagaimanapun hukum Faraid ini tidak diikuti dengan tegas. Bagi Tanah Simpanan Melayu yang digunakan untuk tanah kampung, sawah, tebat dan kebun buah-buahan, kerap kali tanah-tanah ini diwariskan kepada perempuan, seolah-olah tanah ini adalah Tanah Pusaka Adat. Hanya dalam kes kebun getah sahaja, hukum Faraid diikuti. Namun begitu, banyak juga kes pewarisan kebun getah yang tidak dilakukan menurut hukum Faraid,

tetapi berlandaskan muafakat. Muafakat itu, seringkali dipengaruhi oleh ideologi Adat Perpatih yang memberi keutamaan kepada wanita. Orang lelaki kerap kali menyerahkan hak mereka kepada saudara perempuan masing-masing, terutamanya jika saudara perempuan mereka miskin dan tidak mempunyai harta sementara mereka pula ada punca pendapatan yang tetap dan kedudukan ekonomi yang kukuh. Oleh yang demikian didapati satu *trend* di mana Tanah Simpanan Melayu semakin lama semakin banyak yang jatuh ke tangan perempuan. Sebagai contoh, 53.8% dari tanah getah milik perseorangan adalah dipunyai oleh wanita. Ini juga bermakna ramai antara lelaki di sini tidak memiliki tanah getah.

Tanah Simpanan Melayu ini boleh dipindah milik di kalangan orang Melayu sahaja. Pasaran yang terbuka bagi tanah ini sebanyak sedikit bertindak mengurangkan kadar perkongsian milik satu-satu lot tanah. Bila satu-satu bidang tanah terlalu ramai pemiliknya sehingga susah untuk menyelenggarakan, tanah itu dijual dan wang hasilnya dibahagi-bahagikan antara pemilik asal. Satu cara lagi yang biasa dilakukan untuk mengurangkan pemilikan beramai satu-satu bidang tanah ialah melalui proses yang dikenal oleh orang-orang di sini sebagai 'membulekkan' iaitu salah seorang dari pemilik mengambil-alih tanah tersebut dengan membeli hak pemilik yang lain. Maka dengan itu didapati sebilangan besar (52.2%) lot-lot yang dikaji adalah milik perseorangan.

Tanah Milik Bebas dan Lain-lain

Tanah jenis ini dikenali oleh masyarakat di sini sebagai "tanah geran putih". Pada amnya, tidak ramai yang memiliki tanah seperti ini, kecuali mereka yang pernah merantau dan telah membeli tanah di luar tatkala tinggal di luar daerah Kuala Pilah. Penulis mendapati hanya satu rumahtangga sahaja yang memiliki tanah jenis ini, iaitu tanah untuk perumahan di bandar Seremban.

Di samping tanah milik bebas, ada juga di antara orang di sini yang mengerjakan tanah di bawah rancangan tanah pinggir. Di seluruh daerah Kuala Pilah, 57 rancangan tanah pinggir untuk tanaman getah telah dibuka secara berperingkat-peringkat mulai 1969, yang melibatkan tanah seluas 371.8 hektar dan 2,769 peserta. Empat dari projek rancangan ini dilaksanakan di mukim Seri Menanti mulai 1970. Keempat-empat projek ini melibatkan 156 orang peserta dan 21.64 hektar tanah getah. Tanah-tanah ini masih belum ditukar nama kerana peserta rancangan belum lagi menjelaskan bayaran "*Consolidated Annual Charges*" kepada pihak kerajaan. Oleh itu kedudukan tanah ini belum dapat ditentukan. Namun begitu penulis difahamkan bahawa sebaik sahaja tanah-tanah ini diberi hak milik kepada peserta, tanah tersebut akan diletakkan di bawah kategori Tanah Simpanan Melayu.

Pertanian dan Tanah Terbiar

Seperti yang dihiraukan di atas, tanah yang dimiliki oleh sebilangan besar penduduk di Seri Menanti terbahagi kepada dua jenis: Tanah Pusaka Adat dan Tanah Simpanan Melayu. Kedua jenis tanah ini adalah untuk pertanian. Bagi Tanah Pusaka Adat, pertanian utama ialah bersawah padi, sementara

Tanah Simpanan Melayu pula ialah untuk tanaman getah. Kedua jenis pertanian ini telah mula merosot mulai awal tahun 1970 lagi. Hal ini amat membimbangkan pegawai kerajaan yang terlibat dengan pertanian di daerah Kuala Pilah, namun tidak ada satu usaha khusus diambil untuk membuat satu *survey* menyeluruh bagi menentukan jumlah tanah terbiar. Setakat yang diketahui angka-angka yang ada tentang tanah terbiar ialah yang melibatkan sawah padi sahaja. Mengikut Jabatan Pertanian Seremban, pada 1979, keluasan sawah terbiar di Negeri Sembilan pada keseluruhannya ialah 831.36 hektar iaitu kira-kira 57% dari semua tanah sawah di negeri ini. 46.7% dari tanah sawah yang terbiar itu pula terletak di daerah Kuala Pilah. Pada tahun 1981 sawah yang terbiar berterusan ialah 63%. Tidak ada angka-angka yang mutakhir mengenai hal ini. Namun begitu berdasarkan temubual dengan responden dan pemerhatian sendiri, penulis mengandaikan bahawa jumlah tanah terbiar di daerah Kuala Pilah masa ini mungkin lebih kurang sama kalau tidak lebih banyak lagi dari yang terdapat sepuluh tahun yang lalu.

Di peringkat mukim, khususnya Seri Menanti, tidak ada juga angka-angka mengenai jumlah sawah terbiar. Tetapi bukti-bukti tentang adanya tanah terbiar, sama ada tanah sawah atau tanah getah, jelas kelihatan. Di sepanjang jalanraya dari bandar Kuala Pilah ke Seremban, dari Kuala Pilah ke Bahau dan dari Kuala Pilah ke Tampin, serta di sepanjang jalan-jalan kecil di seluruh mukim Seri Menanti, kelihatan tanah-tanah sawah yang telah kering kontang menjadi semak samun. Kebun-kebun getah juga kelihatan seolah-olah menjadi hutan kerana tidak dikerjakan. Kawasan semak samun ini pula, mengikut penduduk kampung, menjadi tempat menginap dan membiakannya binatang buas terutamanya babi hutan. Pada waktu subuh dan waktu senja, babi hutan boleh dilihat berkeliaran di kawasan kampung memusnahkan tanaman dan adakalanya pula menyerang penduduk kampung.⁴

Di samping semak samun yang terdapat di merata-rata tempat di kampung tradisional di daerah Kuala Pilah, ada bukti-bukti lain yang menjadi petunjuk tentang adanya tanah getah yang terbiar, khususnya dan kemerosotan pertanian pada amnya. Pertama, statistik tentang keluasan tanah di bawah tanaman getah dari 1980 hingga 1986 seperti yang tertera dalam Jadual 2. Jadual ini menunjukkan jumlah pekebun kecil di seluruh Negeri Sembilan telah berkurangan. Pada tahun 1980, tanaman getah yang diusahakan oleh pekebun kecil ialah 12,208 hektar; sementara pada tahun 1986 pula jumlahnya ialah 9,260 hektar. Dalam masa yang sama jumlah tanaman getah di bawah RISDA dan FELCRA meningkat. Ini bermakna dalam masa enam tahun itu, 1,948 hektar tanah getah telah tidak dikerjakan, dan diambilalih oleh RISDA atau FELCRA untuk dipulihkan melalui tanaman semula atau tanaman baru.

Kedua, pola pendapatan penduduk di Seri Menanti juga menunjukkan kurangnya pergantungan kepada getah dan sumber pertanian lain-lainnya. Bila ditanya tentang pekerjaan, orang-orang kampung di sini biasanya

4 Ada penduduk kampung yang cedera diserang babi hutan. Pada bulan Februari 1989 misalnya, seorang lelaki di Kg. Umur cedera parah di bahagian kepalanya apabila seekor babi hutan meluru melanggar motosikal yang ditunggangnya. Beliau terpaksa dikejarkan ke bahagian kecemasan, hospital Seremban. Pengkaji sendiri pernah melihat binatang ini melintas jalanraya yang menghubungkan Pilah dengan Seri Menanti. Masalah pembiakan babi hutan muncul kerana adanya undang-undang yang melarang mereka menembak binatang liar.

Jadual 2
Keluasan Tanaman Getah di Negeri Sembilan (Hektar)

Tahun	Estet	FELDA	RISDA	FELCRA	Pekebun Kecil	Jumlah
1980	77,424	62,080	56,392	7,948	12,208	216,052
1981	76,760	67,555	57,269	7,948	11,616	221,364
1982	75,478	67,971	58,073	9,854	11,045	222,421
1983	77,606	69,994	58,075	10,016	10,737	226,428
1984	75,452	68,588	58,729	10,178	10,299	223,246
1986	84,938	63,623	68,780	10,711	9,860	255,596

Sumber: Disusunikan dari data dalam Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia 1986 (Jadual 21, 22, 23 & 24) dan Laporan Tahunan 1986 Cawangan Pengembangan Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.

mengkategorikan kerja mereka kepada tiga — kerja kampung, makan gaji, dan tidak kerja. Pengkategorian seperti ini tidak dapat memberi gambaran yang jelas tentang pekerjaan dan sumber utama pendapatan mereka. Selain kerja-kerja tersebut mereka mungkin juga ada pekerjaan dan sumber pendapatan sampingan. Yang dikelaskan sebagai tidak kerja pula, ada kalanya terlibat juga dalam usaha-usaha tani secara sampingan, tetapi pendapatan utama mereka adalah dari punca-punca lain.

Mereka yang mengenalkan diri sebagai orang 'kerja kampung' terlibat dalam usaha tani yang beraneka jenis yang dijalankan secara serentak — menoreh getah, sebagai punca wang yang utama, di samping bersawah padi, berkebun sayur, berternak ayam, itik, kambing, dan kadang-kadang juga kerbau dan lembu. Kegiatan-kegiatan ini ada kalanya ditambah pula dengan usaha-usaha lain seperti membuat gula enau, dan meramu hasil-hasil hutan seperti rotan, petai, manisan lebah, dll. untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual. Yang makan gaji pula bekerja dengan kerajaan atau firma swasta dan mendapat upahan secara bulanan. Golongan ketiga, iaitu yang tidak kerja, biasanya terdiri dari pesara-pesara dan mereka ini menyara hidup dengan pencen, serta bantuan wang dari saudara-mara atau anak-anak yang bekerja makan gaji di bandar-bandar.

Satu ciri penting ekonomi penduduk di sini ialah sedikitnya bilangan keluarga yang bergantung hidup semata-mata kepada pertanian. Dari 200 rumahtangga yang dikaji, hanya 14% sahaja yang benar-benar keluarga petani, menyara hidup dengan usaha-usaha pertanian. Yang lain-lainnya mempunyai pendapatan dari sumber di luar bidang pertanian (Lihat Jadual 3).

Jadual 3 menunjukkan kira-kira 76.5% dari keluarga di sini ada sumber pendapatan dari luar iaitu dari pencen, dari anak-anak atau saudara-mara yang bekerja di bandar dan dari jabatan Kebajikan Masyarakat. Jumlah wang luar yang mengalir masuk ke mukim ini tiap-tiap bulan agak banyak juga

Jadual 3:
Punca Pendapatan Rumah tangga

Punca	Bil Rumah tangga	Peratus
Pekerjaan ketua keluarga	47	23.5
Pekerjaan ketua keluarga + kiriman wang dari luar	38	19
Pekerjaan ketua keluarga + pencen	12	6
Pekerjaan ketua keluarga + pencen + kiriman wang dan luar	8	4
Pencen + kiriman wang dari luar	34	17
Kiriman wang dari luar	37	18.5
Pencen	19	9.5
Kiriman wang dari luar + bantuan Jabatan kebajikan Masyarakat	3	1.5
Pekerjaan ketua keluarga + bantuan Kebajikan Masyarakat dan kiriman wang dari luar	1	0.5
Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat	1	0.5
	200	100

Sumber: Azizah Kassim, 1988(a): 144.

sebagaimana yang dibuktikan oleh rekod bulanan kiriman wang di Pejabat Pos Seri Menanti. Dalam bulan Oktober 1988 misalnya, kira \$11,000 dihantar ke sini melalui pejabat Pos ini dalam bentuk pencen pesara polis, dan askar, dan juga potongan wang dari gaji pegawai tentera untuk isteri atau ibubapa di kampung. Mengikut pegawai pos di sini, jumlah ini merupakan jumlah purata yang dihantar tiap-tiap bulan dari pihak tentera sahaja.⁵ Di samping itu Pejabat ini juga menyelenggarakan wang kiriman pos, dan cek yang dihantar kepada penduduk di sini dari luar. Sementara itu ada juga wang yang dihantar ke sini dari luar tanpa menggunakan saluran pejabat pos, tetapi dibuat secara langsung.

Didapati juga dari jadual 3 di atas bahawa perbezaan antara pendapatan paling rendah dan yang tertinggi amat besar sekali. 45% dari rumah tangga yang dikaji berpendapatan antara \$50—\$200 sebulan; 41.5% antara

⁵ Temubual dengan Pegawai Pejabat Pos Seri Menanti pada 17 November 1988.

\$201—\$500, dan sebilangan kecil sahaja (14%) berpendapatan \$501—\$2,200 sebulan (lihat Azizah Kassim, 1988(a): 145). Yang berpendapatan kurang dari \$200 terdiri dari rumahtangga di mana ketuanya 'kerja kampung', rumahtangga separa lengkap atau yang dianggotai oleh wanita yang tinggal sendirian. Golongan berpendapatan lebih dari \$500 sebulan terdiri dari mereka yang bekerja makan gaji dan yang ada dua atau tiga sumber pendapatan, misalnya dari pencen, pemberian anak-anak dan pendapatan bulanan ketua keluarga.

Hanya 53% sahaja dari ketua keluarga yang ada pekerjaan. Hal ini disebabkan oleh faktor demografi. Pada tahun 1985, purata umur ketua keluarga di Mukim Seri Menanti ialah 56 tahun (Jadual-jadual Banci Taraf Pertanian Kuala Pilah 1985: 2) iaitu lebih tinggi dari tahap umur pencen bagi pekerja-pekerja kerajaan atau swasta. Sesungguhnya, dalam 35% dari rumahtangga yang dikaji ketua keluarga adalah pesara-pesara yang menerima pencen dari bekas majikan mereka. Mereka ini bekas pekerja kerajaan, dan pernah tinggal di luar daerah atau di luar Negeri Sembilan tatkala bertugas dalam polis, askar, Keretapi Tanah Melayu, Pejabat Pelajaran dan dengan pejabat-pejabat kerajaan lain-lainnya.

Dari 53% yang bekerja, hanya 14% sahaja yang kerja kampung dan terlibat terus dan bergantung hidup kepada pertanian. Bagi rumahtangga lain-lainnya, pertanian tidak memainkan peranan yang penting, malah sebilangan kecil dari mereka boleh hidup selesa tanpa menjalankan apa-apa pertanian secara sampingan. Ekonomi masyarakat Seri Menanti bukannya ekonomi yang berlandaskan pertanian, tetapi ekonomi yang didukung oleh aliran wang dari luar. Corak ekonomi sedemikian dijemakan di dalam bentuk tanah-tanah terbiar khasnya tanah sawah dan tanah getah di merata-rata tempat dalam mukim ini.

Pembangunan Pertanian

Kemerosotan pertanian di luar bandar seperti yang ditemui di mukim ini telah lama mendapat perhatian dari kerajaan pusat. Berbagai tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini, antaranya ialah pembentukan agensi yang ditugaskan bagi membangun dan memulihkan pertanian ini. Di daerah Kuala Pilah agensi sedemikian yang ditemui ialah RISDA (*Rubber Industry Smallholders Development Authority*); FELCRA (*Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority*); Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, FAMA (*Federal Agricultural Marketing Authority*) dan PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan). Tiap-tiap badan ini ada pengkhususan tugas masing-masing, namun begitu seperti yang akan diuraikan nanti, terdapat juga beberapa pertindihan antara tugas agensi-agensi yang berlainan ini.

RISDA menumpukan perhatian kepada tanaman semula getah sambil menggalakkan juga aktiviti sampingan yang boleh membantu kesejahteraan hidup petani kecil. Badan ini menawarkan tiga jenis projek tanaman semua getah — tanaman secara *mini-estate*, tanaman secara berkelompok dan tanaman secara individu. Untuk mengadakan *mini-estate*, lot tanah yang akan dimajukan mestilah berjumlah sekurang-kurangnya 40 hektar semuanya dan

bagi tanaman berkelompok sekurang-kurangnya 20 hektar. Lot-lot berkenaan pula mestilah bersambungan antara sama lain. Pemilik lot berkenaan dikehendaki memberi kuasa kepada RISDA supaya mengusahakan tanah ini untuk tanaman getah. Sebaik sahaja tanah-tanah ini mengeluarkan hasil dan memberi untung maka keuntungan ini akan diagihkan kepada tuan-tuan tanah mengikut jumlah tanah yang dimiliki. Bagi tanaman semula secara persendirian, tuan tanah mengusahakan tanah sendiri dengan bantuan kewangan dan pengawasan dan pihak RISDA.

Di samping RISDA, FELCRA juga terlibat dalam tanaman semula getah. Namun begitu FELCRA mempunyai bidang tugas yang lebih luas. Di samping getah, FELCRA juga berusaha menanam koko, kelapa sawit dan tanaman-tanaman kontan seperti kacang tanah, tembakau, kobis, pisang, lada hitam, dll. FELCRA juga menjalankan pemulihan dan penyatuan tanah secara berkelompok dan *mini-estate*.

Sementara itu Jabatan Pertanian dan Jabatan Haiwan juga terlibat dalam kemajuan pertanian. Sebelum tahun 1983, Jabatan Pertanian memberi subsidi dalam bentuk baja, racun, bajak, dll kepada semua petani-petani kecil. Subsidi ini dihentikan untuk mengikis "mentaliti subsidi" iaitu sikap suka bergantung kepada kerajaan yang dikatakan terdapat di kalangan petani-petani ini. Kini bantuan hanya diberi kepada mereka yang dikenali pasti betul-betul berminat untuk bertani. Sekarang tiga jenis projek mendapat perhatian Jabatan Pertanian: tanaman padi secara kelompok atau *mini-estate*, tanaman sayur dan tanaman kontan jangka pendek.

Untuk tanaman padi secara besar-besaran, petani diberi subsidi benih dan jentera pembajak dan tunjukajar dalam teknik penanaman yang sesuai. Bagi tanaman sayur pula, keutamaan diberikan kepada belia-belia. Ada dua jenis projek tanaman sayur yang diberi bantuan oleh jabatan ini. Pertama, projek tanaman sayur intensif dan kedua, projek tanaman-sayur "*insitu*". Bagi projek yang pertama ini, belia yang dipilih oleh jabatan ini dihantar berkursus di pusat pertanian di Cembong, Rembau, selama dua musim tanaman sayur. Selepas itu mereka dikehendaki berusaha membuka kebun sayur dengan bantuan penuh dari Jabatan Pertanian. Jabatan ini memberi baja, benih, alat penyiram (*sprinkler*), di samping membimbing petani muda ini mengaturkan program tanaman. Untuk projek yang kedua pula, bantuan diberi kepada penanam sayur yang telah lama melibatkan diri dalam bidang ini. Bantuan yang dihulurkan ialah dalam bentuk alat penyiram dan benih yang berharga tidak lebih dari \$1,000/—.

Bagi tanaman kontan jangka pendek seperti tanaman jagung, pisang, tebu, dll., jabatan ini menghulurkan bantuan kepada tanaman secara berkelompok sekurang-kurangnya 4 hektar. Jabatan memberi bantuan benih dan baja di samping tunjukajar serta pengawasan dalam penanaman.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan pula menumpukan usaha ke dalam bidang ternakan lembu dan kambing biri-biri sahaja. Binatang-binatang ini dipawahkan oleh jabatan ini kepada penternak untuk tujuan komersil atau ternakan biasa. Bagi pawahan komersil, dua hingga sepuluh ekor binatang diberikan oleh jabatan ini kepada penternak, dan untuk ternakan biasa, hanya seekor sahaja. Bagi tiap-tiap ekor binatang yang dipawahkan, penternak

dikehendaki memulangkan kepada jabatan ini seekor anak binatang tersebut iaitu anak yang pertama dilahirkan setelah pawahan dimulakan.

Selain dari badan-badan kerajaan tersebut di atas, di daerah Kuala Pilah juga terdapat Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan (LPPK) yang mengawasi tiga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di daerah ini. PPK yang terletak di bawah Kementerian Pertanian berfungsi untuk membantu usaha-usaha pertanian melalui:

- (a) Penjualan keperluan untuk bertani seperti baja, racun, benih, alat-alat untuk bertani, dll.
- (b) Menyediakan jentera-jentera untuk kegunaan pertanian dan kemudahan pengangkutan.
- (c) Kemudahan kredit dan program simpanan wang.
- (d) Menyediakan kemudahan pemasaran hasil-hasil tani.
- (e) Menjalankan projek-projek pertanian, yang melibatkan tanaman jangka panjang, jangka pendek; ternakan binatang dan ikan; menyediakan kemudahan mesin padi, dan membangunkan industri berteraskan hasil-hasil pertanian.
- (f) Menyediakan aktiviti-aktiviti lain untuk kesejahteraan petani termasuk memberi latihan secara formal kepada petani tentang teknik pertanian cara baru yang lebih berkenaan.

Kalau PPK menyediakan kemudahan pemasaran bagi hasil-hasil tani, begitu juga FAMA. Agensi ini memberi khidmat pemasaran hasil tani melalui dua cara. Pertama, badan ini menguruskan pasar tani seminggu sekali untuk memberi peluang kepada petani menjual hasil pertanian masing-masing secara terus kepada pengguna-pengguna. Kedua, FAMA sendiri membeli hasil tani dari petani dengan syarat hasil yang dikeluarkan untuk dijual berjumlah lebih dari 200 kilogram.

Di sini jelas bahawa di daerah ini terdapat berbagai agensi yang mempunyai objektif yang sama iaitu untuk memulihkan dan memajukan pertanian. Pada awal tahun 1980, kerajaan pusat mengambil tindakan untuk menyelaraskan tugas beberapa agensi di Negeri Sembilan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pertanian, berdasarkan konsep pembangunan kawasan yang disatukan (*Integrated Agricultural Development Project*, IADP). Pembangunan Pertanian secara bersepadu ini dijalankan di bawah projek Pembangunan Negeri Sembilan Timur (NST) mulai 1981 hingga 1987. NST sekarang adalah dalam proses rombakan dan sejauh manakah kejayaan projek berkenaan masih dalam penilaian.

Setelah tamatnya projek Pembangunan Negeri Sembilan Timur, pembangunan pertanian dijalankan secara bersendirian oleh agensi-agensi berkenaan. Seperti keadaannya sebelum pembentukan NST pada tahun 1980, mereka bersaing antara satu sama lain dalam menjalankan tugas masing-masing. Namun begitu, pertanian di mukim Seri Menanti khasnya, dan daerah Kuala Pilah amnya masih mundur. Jelas bahawa permuliharaan dan pembangunan pertanian banyak masalah-masalahnya.

Masalah-masalah dalam Pembangunan Pertanian

Kemunduran pertanian di kampung tradisional telah berkali-kali

dibincangkan di peringkat kebangsaan dan tempatan, antaranya oleh Mat Khalil b. Jamain (1986); Nyanen Thiran (1981); Hj. Harun b. Mohd Arabee (1980); Mokhtar Tamin (1980) dan Zulkifly H. Mustafa dan Shaik Mohd Noor Alam (1985). Secara amnya penganalisis masalah ini merujuk kepada lima faktor sebagai penyebab/punca kemunduran pertanian — faktor demografi, sosio-budaya, ekonomi, teknologi dan faktor fizikal (iklim dan ketidaksuburan tanah). Penduduk di luar bandar dikatakan lebih banyak terdiri dari orang-orang tua yang tidak berupaya lagi untuk bekerja keras di sawah atau di ladang. Golongan muda pula yang telah mendapat didikan pelajaran formal telah berubah sikap — mereka memandang rendah kepada usaha-usaha bertani dan tidak berminat untuk bekerja dalam bidang ini kerana kerja ini dianggap berat dan susah, sementara pendapatan darinya pula kecil dan tidak tetap. Pulangan yang rendah ini disebabkan oleh beberapa perkara — pemilikan tanah yang kecil dan tidak ekonomi, pemilikan secara berkongsi, teknologi pertanian yang rendah yang lebih banyak bergantung kepada tenaga manusia. Di samping itu tanah pertanian telah menjadi kurang subur kerana telah lama diusahakan, atau disebabkan oleh hakisan, kekurangan air, akibat perubahan keadaan iklim dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Akibatnya, pertanian menjadi kurang menarik, dan wujudnya kerja-kerja alternatif di bandar, memberi peluang bagi masyarakat kampung mengenyahkan pekerjaan dalam bidang pertanian.

Semua sebab-sebab yang disebutkan itu boleh diaplikasikan di mukim Seri Menanti khasnya dan di daerah Kuala Pilah amnya. Penduduk di sini sebahagian besarnya terdiri dari orang-orang tua. Mengikut Jadual 2 Banci Taraf Pertanian Daerah Kuala Pilah (1985: 2), purata umur ketua keluarga tani di Kuala Pilah ialah 54 tahun, sementara di Mukim Seri Menanti pula 56 tahun. Tanah-tanah di sini juga, seperti yang telah diuraikan banyak dimiliki secara berkongsi sementara saiz pemilikan pula kecil dan tidak ekonomi. Jumlah anak-anak petani yang meninggalkan kampung pula adalah tinggi. Di Negeri Sembilan secara keseluruhannya pada awal tahun lapan puluhan, dianggarkan kira-kira 42% dari anak-anak petani telah berhijrah. (Nyamen Thiren, 1983: 72). Angka-angka penghijrahan untuk mukim Seri Menanti tidak ada, tetapi dari pemerhatian penulis, wajar dianggarkan kadar penghijrahan yang sama bagi mukim ini.

Punca-punca kemerosotan pertanian di kalangan pekebun kecil seperti disebut di atas diperakukan oleh pihak kerajaan dan diambil kira tatkala digubal Dasar Pertanian Negara 1984 (Rancangan Malaysia Kelima 1986: 295—298). Langkah-langkah yang dicadangkan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memodenkan serta memulihkan pertanian di kampung-kampung tradisional secara penswastaan. Tanah yang terbiar perlu dipulihkan secara komersil dengan menggunakan teknik serta organisasi pertanian moden. Untuk ini agensi yang terlibat dalam pemulihan dan pembangunan pertanian digalakkan supaya projek-projek mereka dibuat secara besar-besaran iaitu dengan membentuk *mini estate* atau kebun berkelompok.

Tanaman secara komersil melalui penubuhan *mini estate* atau tanaman kelompok hanya boleh dilaksanakan jika tuan-tuan tanah memberi kuasa

kepada agensi kerajaan untuk memajukan tanah-tanah mereka. Alih kuasa ini mesti dibuat secara beramai-ramai, supaya lot-lot tanah yang berhampiran antara satu sama lain dapat digabungkan menjadi satu kawasan tananam yang luas yang boleh dimajukan seperti ladang-ladang komersil. Pembangunan pertanian cara demikian adalah satu ide baru kepada petani kecil dan bukan mudah untuk menyakinkan mereka tentang faedah-faedah projek seperti ini kepada diri mereka sendiri.

Konsep yang baru ini terpaksa disebarikan kepada penduduk kampung melalui JKKK. Terpulanglah kepada JKKK untuk mengumpulkan komuniti kampung dan menjemput wakil-wakil agensi kerajaan seperti FELCRA, RISDA dan lain-lain supaya datang memberi penerangan mengenai projek-projek yang ada pada mereka. Dalam pertemuan seperti ini, tidak semua orang kampung (pemilik tanah) yang dapat hadir. Antara yang hadir sebahagian besarnya terdiri dari wanita-wanita tua, dan orang-orang ini biasanya tidak begitu peka kepada ide-ide baru. Orang kampung, terutamanya golongan tua, menganggap tanah kepunyaan mereka adalah jaminan hidup, justeru itu mereka amat takut memberi kuasa kepada agensi lain untuk mengerjakan tanah-tanah ini. Apa lagi projek secara *mini estate* atau tanaman berkelompok akan membebankan mereka dengan hutang dalam jangka masa yang agak panjang, kerana kos pemulihan tanah dan tanaman terpaksa mereka tanggung sendiri. Walaupun kerajaan akan membiayai projek-projek itu terlebih dahulu, pemilik tanah mesti membayar semula wang ini dari hasil-hasil pertanian yang akan didapati kelak.

Kalau pun penduduk kampung boleh diyakinkan tentang pertanian cara baru dan dipujuk supaya memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengerjakan tanah, masalah ambil-alih kuasa belum selesai lagi. Banyak di antara tanah-tanah di kampung, baik tanah sawah, dusun atau kebun getah dimiliki secara berkongsi. Pemilikan secara beramai paling teruk didapati dalam kes Tanah Pesaka Adat. Ada di antara pemilik tanah jenis ini telah lama meninggal dunia, ramai pula yang meninggalkan kampung; ada yang menetap di bandar-bandar di seluruh Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) dan di kawasan penempatan semula FELDA. Amat susah untuk mengesan orang-orang ini, apa lagi mendapatkan persetujuan mereka. Kesulitan dalam hal seperti ini dapat dilihat dalam kes projek-projek yang dirancang oleh RISDA dan FELCRA. Misalnya pada tahun 1986, RISDA berusaha untuk memulakan satu projek tanam semula getah di kampung Sikai, Gunung Pasir. Sehingga tahun 1989 ini, projek ini masih belum dapat dilaksanakan kerana soal mendapatkan persetujuan pemilik serta alih kuasa tanah belum selesai lagi. Di Kg. Merual mulai tahun 1985, JKKK berura-ura untuk memulihkan sawah terbiar (Tanah Pusaka Adat) dengan tanaman koko dengan bantuan PPK. Sehingga tahun ini (1989) projek ini masih belum dilaksanakan, dan satu dari masalah yang dihadapi oleh perancang ialah soal alih kuasa dan tentangan dari Ketua-Ketua Adat Perpatih.⁶

Penyelenggaraan Tanah Pusaka Adat lebih rumit dari tanah jenis lain. Tanah-tanah ini, seperti yang telah dijelaskan, adalah dipunyai oleh suku dan sebarang usaha untuk pindah milik mesti mendapat persetujuan Ketua-

6 Temubual dengan wakil Rakyat Seri Menanti, Y/B Dr. Ramli Ujang ada 5 Mac 1989.

Ketua Adat seperti Buapak dan Lembaga. Di kampung-kampung di kawasan Adat Perpatih, sengketa-sengketa Adat sering berlaku dan hal ini adakalanya meninggalkan kesan kepada projek-projek kemajuan kampung. Ketua-Ketua Adat, (yang mewakili kepimpinan tradisional di kampung) mungkin berselisih faham tentang adat atau hal-hal lain, dengan ahli JKKK yang menjadi lambang kepimpinan semasa di peringkat kampung. Jika ini berlaku usaha JKKK dan agensi kerajaan untuk melaksanakan projek pertanian di Tanah Pusaka Adat akan menghadapi jalan buntu. Ketua-Ketua Adat boleh mempengaruhi anak-anak buah supaya menolak projek berkenaan; atau mereka sendiri akan menentanginya.

Di samping soal alih kuasa dan keengganan menanggung hutang, satu perkara lagi yang menyebabkan orang kampung ragu-ragu untuk menerima konsep pertanian baru ini ialah perubahan syarat tanaman. Ada agensi-agensi kerajaan yang mahu mengusahakan tanah sawah yang terbiar untuk tanaman kelapa sawit, koko atau tanaman kontan seperti pisang, jagung, tebu, sayur, dll. Ramai petani yang merasa dukacita tentang hal ini, terutamanya apabila tanah sawah mereka mahu dijadikan ladang koko atau kelapa sawit. Bagi mereka, pertukaran syarat tanaman dari padi kepada tanaman jangka panjang (seperti kelapa sawit) adalah satu perubahan yang kekal. Bila sawah telah menjadi ladang koko atau kelapa sawit, tanah tersebut tidak akan dapat diubah semula menjadi tanah sawah. Bagaimana kalau di masa hadapan berlaku krisis seperti kemelesetan ekonomi atau peperangan dan mereka perlu bertanam padi untuk sumber makanan? Hal seperti ini amat merunsingkan sebilangan penduduk kampung.

Kemunduran pertanian di kampung tradisional tidak semuanya berpunca dari pihak petani-petani itu sendiri. Agensi-agensi kerajaan yang ditugaskan untuk memajukan pertanian juga harus disalahkan dalam hal ini. Seperti yang telah diuraikan, terlalu banyak agensi-agensi yang terlibat, dan bidang tugas mereka tindih-menindih. Agensi tersebut seolah-olah bersaing antara satu sama lain untuk memajukan pertanian. Di satu-satu kampung misalnya, satu lepas satu agensi kerajaan memberi penerangan tentang projek mereka. Ini, adakalanya, mengelirukan orang-orang kampung yang secara rata-rata tidak faham tentang organisasi pentadbiran kerajaan dan agihan bidang tugas antara agensi yang berbagai-bagai ini.

Adakalanya projek-projek pertanian yang dijalankan bertentangan antara satu sama lain sehingga menimbulkan masalah kemasyarakatan. Misalnya, sementara Jabatan Perkhidmatan Haiwan memberi lembu-lembu pawah dan menggalakkan petani-petani memelihara dan membiakan lembu, Jabatan Pertanian menggalakkan petani untuk menanam koko, berkebun sayur dan tanaman kontan jangka pendek di kampung mereka. Lembu-lembu yang kekurangan padang ragut kerap kali mencero boh masuk kawasan kampung dan membinasakan tanaman yang ada. Memandangkan ternakan lembu telah banyak dilakukan dan pemakanan lembu-lembu ini menjadi semakin rumit, sepatutnya tanah sawah yang terbiar diusahakan menjadi padang-padang ragut. Dibalikinya, sawah-sawah ini dirancang untuk tanaman kelapa sawit atau koko. Jika projek tanaman kelapa sawit atau koko berjaya dimulakan di tanah-tanah sawah terbiar, tanah-tanah itu akan

dipagar dan lembu-lembu ternakan penduduk tempatan akan kehilangan tempat untuk mencari makan dan ruang untuk beredar. Ternakan ini akan bertumpu di jalanraya. Ini akan menyusahkan penternak kerana lembu yang merayau-rayau di jalanraya berap kali ditangkap polis dan penternaknya didenda.

Nampaknya seolah-olah tidak ada sebarang penyelarasan antara projek-projek yang dirancang oleh agensi-agensi yang berlainan ini. Ini juga meninggalkan kesan negatif kepada usaha bertani.

Di samping itu, usaha pembangunan pertanian terlalu banyak menekankan soal pengeluaran dan tidak memberi titikberat yang seimbang kepada pemasaran atau pengawitan hasil tani. Hal seperti ini telah lama berlaku. Pada awal tahun tujuh-puluhan misalnya, Menteri Besar pada masa itu, Dato' Mansor Othman, menggalakkan petani-petani di daerah Kuala Pilah untuk menanam buah makisar secara komersil bagi membekalkan kilang yang dibukanya di Dioh, Kuala Pilah (Suraidah Jaafar, 1985/86: 76—78). Tetapi mengikut petani yang terlibat, apabila pohon yang ditanam telah menghasilkan buah, buah-buah ini tidak dapat dipasarkan dan mereka merasa kerugian dan tertipu. Sebelum itu, iaitu pada akhir tahun enam puluhan pula, petani-petani digalakkan menanam rambutan yang dikenal di sini sebagai 'rambutan lekang'. Ramai petani-petani yang berbuat demikian. Sekarang pohon-pohon mereka mengeluarkan hasil yang agak banyak, malangnya, seringkali buah-buah ini tidak dapat dipasarkan. Kalau ada pun pembeli-pembeli, harga yang ditawarkan terlalu murah. Misalnya, di satu kampung yang dikaji pada tahun 1988, pembeli berjalan dari rumah ke rumah dan membeli rambutan dengan harga 70 sen sekilo. Harga yang ditawarkan ini hanya $\frac{1}{3}$ dari harga rambutan yang dijual di gerai-gerai di sepanjang jalan Seremban—Kuala Pilah, kira-kira lapan kilometer dari kampung ini. Hasil buah-buahan lain seperti manggis, langsung, pisang dll. juga mengalami masalah pemasaran yang serupa. Tegasnya, banyak hasil-hasil tani yang terbuang sahaja, kerana petani tidak dapat memasarkannya dan tidak tahu pula untuk memperoses hasil ini.

Sepatutnya masalah pemasaran ini tidak timbul kerana telah ada FAMA (agensi yang dibentuk khas untuk pemasaran hasil-hasil tani) dan juga PPK, yang telah mengenalpasti pemasaran hasil tani sebagai salah satu dari objektifnya. Nampaknya badan-badan ini tidak berjaya mencapai matlamat masing-masing dan hal ini mungkin berpunca dari dua perkara: pertama, pemahaman orang-orang kampung tentang fungsi badan tersebut dan kedua, dalam kes FAMA, polisi yang dipegangnya.

Dalam kajian di Seri Menanti, didapati orang-orang kampung secara amnya belum ramai yang kenalkan FAMA; mereka tidak tahu bahawa agensi ini ada pejabatnya di Kuala Pilah dan boleh membantu mereka dalam memasarkan hasil-hasil tani. Antara segolongan kecil orang-orang yang tahun adanya FAMA ialah mereka yang menjadi ahli JKKK. Tetapi kebanyakan ahli JKKK terdiri dari pesara-pesara dan kalau mereka perempuan, mereka adalah isteri pesara-pesara, dan mereka ini tidak terlibat terus dengan pertanian. Begitu juga halnya dengan PPK. Orang-orang kampung lebih mengenali PPK dari FAMA, tetapi mereka yang menjadi ahli PPK juga lebih

ramai terdiri dari peserta, iaitu bekas guru, polis, askar, dll. Seperti yang disebutkan di atas, PPK ialah satu pertubuhan koperatif dan untuk menjadi ahlinya, seseorang itu mesti membeli saham sekurang-kurangnya \$100/-. Ramai orang-orang kampung yang tidak sanggup atau tidak mahu menjadi ahli memandangkan prestasi syarikat kerjasama yang sentiasa tidak memuaskan di mukim ini. Pada tahun lima puluhan dan enam puluhan ramai ahli masyarakat di sini pernah menyertai syarikat kerjasama iaitu kedai kerjasama dan syarikat kerjasama kilang padi. Kedua-dua jenis syarikat kerjasama itu kerugian. Ditakuti PPK juga akan menghadapi nasib yang serupa. Mereka juga tidak nampak dan tidak yakin bagaimana PKK boleh memberi manfaat kepada mereka sebagai ahli, kecuali jika mereka sendiri dapat memegang teraju dan pentadbiran PKK ini.

Berkenaan dengan polisi pembelian hasil-hasil dari petani oleh FAMA, badan ini membeli secara besar-besaran. Agensi ini hanya menghantar wakil untuk membeli hasil-hasil tani yang beratnya lebih 200 kilo. Ini bermakna petani kecil tidak dapat menggunakan khidmat FAMA kecuali jika mereka menjual secara berkelompok. Jualan cara ini tidak mudah dilakukan. Petani mesti bekerjasama dan menyelaraskan kerja-kerja mereka, khususnya, penuaian hasil-hasil, supaya hasil tani boleh dikumpulkan dan dijual bersama-sama kepada FAMA pada satu-satu ketika. Penyelarasan dari segi penjualan seperti ini memerlukan seorang ketua yang dedikasi dan yang juga ada hubungan rapat dengan FAMA. Orang seperti inilah yang amat kurang di peringkat kampung. Seperti yang telah dinyatakan, di peringkat kampung mereka yang banyak hubungan dengan agensi kerajaan ialah ahli-ahli JKKK. Mereka ini, biasanya, tidak bergantung kepada pertanian sebagai mata pencarian utama. Petani-petani pula tidak ada banyak kontak dengan agensi-agensi kerajaan.

FAMA juga cuba menyediakan saluran lain bagi petani kecil untuk menjual hasil-hasil mereka dengan mengadakan pasar tani sekali seminggu di Kuala Pilah. Petani-petani digesa membawa hasil keluaran untuk dijual secara langsung kepada pengguna-pengguna. Walaupun prestasi pasar tani dikatakan membanggakan, sebilangan besar dari penjual di pasar ini bukanlah petani tetapi orang tengah. Walau ada petani-petani yang menjual hasil tanaman seperti sayuran, buah-buahan, serta kuih-muih yang dibuat khasnya dari hasil tani tempatan, namun bilangan mereka kecil. Petani tempatan, pada amnya pergi ke pasar tani sebagai pengguna, bukan sebagai penggeluar dan penjual.

Peranan PKK pula, iaitu PPK Tanjung Ipoh dalam usaha memasarkan hasil tani tidaklah begitu ketara. Agensi ini lebih dikenali di sini sebagai agen menjual alat-alat kegunaan pertanian seperti baja, racun, dll. dan "sewaan peralatan perkahwinan" iaitu menyewakan barang-barang untuk kegunaan kenduri kendera seperti kemah, kerusi, meja, pinggan mangkuk, dll. (Peladang Jaya, Ogos 1988: 31).

Jelas di sini bahawa pembangunan pertanian di mukim ini menghadapi berbagai masalah yang berpunca bukan sahaja dari pihak penduduk kampung seperti yang biasa dibincangkan, tetapi juga dari pihak agensi kerajaan.

Adat Perpatih dan Kemerosotan Tani: Rumusan

Kemerosotan pertanian dan tanah terbiar bukannya satu isu tempatan di Negeri Sembilan; ia merupakan satu masalah negara. Punca-punca kemerosotan tani, seperti yang telah diuraikan di atas, adalah berbagai-bagai, merangkumi bidang demografi, sosio-budaya, ekonomi, teknologi yang digunakan oleh petani dan juga polisi kerajaan mengenai pertanian dan pelaksanaan polisi berkenaan. Di Negeri Sembilan, khasnya di kawasan-kawasan di mana Adat Perpatih masih diamalkan, adat ini menyulitkan lagi usaha untuk membangunkan pertanian. Ada dua aspek adat ini yang boleh meninggalkan kesan negatif kepada pertanian. Pertama ideologi adat itu sendiri; kedua, pola pewarisan harta yang terbit dari ideologi tersebut.

Ideologi Adat Perpatih menekankan peri-pentingnya wanita untuk meneruskan zuriat, dan mereka juga diangkat sebagai pemegang amanah harta suku. Kedua perkara ini bersama dengan pola tempat tinggal bercorak matrilokal menyebabkan orang lelaki merasakan diri mereka tidak selamat. Keadaan ini dan juga pandangan tinggi masyarakat kepada mereka yang merantau, mendorong lelaki khasnya yang muda untuk keluar kampung mencari nama, ilmu dan kekayaan. Sesungguhnya, proses merantau telah lama berlaku di kalangan lelaki di sini, mungkin sejak tahun-tahun 1930an lagi apabila terbuka peluang makan gaji dengan kerajaan kolonial. Pasukan bersenjata khasnya askar Melayu dan polis dan bidang perguruan adalah antara badan kerajaan yang pertama menyediakan makan gaji dan peluang untuk merantau bagi lelaki di sini. Tegasnya bagi masyarakat di sini, penghijrahan ke luar kampung bukannya berlaku selepas negara ini menjalankan perindustrian dan pambandaran, tetapi sejak hampir lima dekad yang lampau. Dalam jangka masa yang panjang itu, timbul di kalangan masyarakat di sini satu sikap yang mengutamakan kerja makan gaji. Di sebaliknya kerja-kerja tani dianggap kurang penting; yang dikira hanya untuk mereka yang gagal mendapat kerja makan gaji; bagi mereka yang sudah bersara dari kerja makan gaji dan untuk orang perempuan.

Dalam pada itu pihak lelaki yang menetap di kampung pula kurang komitmen mereka terhadap pertanian. Dengan penempatan matrilokal, seorang lelaki berpindah untuk menetap di kawasan suku isterinya selepas ia kahwin; dan pola pewarisan adat perpatih menyebabkan wanita (isteri) yang memiliki tanah kampung, sawah dan juga harta-harta lain. Suami tinggal di kampung isteri, mengerjakan sawahnya, dan juga kebun getahnya, atau kebun getah ahli-ahli suku isteri. Kedudukan lelaki sebagai seorang semenda yang bertaraf penumpang tidak menggalakkannya untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam pertanian.

Amalan adat ini juga menggalakkan pemilikan beramai-ramai secara berkongsi. Pemilikan tanah adalah bukti keanggotaan seorang wanita serta anak-anaknya (lelaki dan perempuan) di dalam satu suku. Keanggotaan ini ada nilai simboliknya serta manfaaatnya dari segi pewarisan jawatan-jawatan adat seperti Buapak, Lembaga, Penghulu Luak, Undang dll.⁷ Hal seperti ini

⁷ Penyandang jawatan adat diberi elaun bulanan oleh kerajaan Negeri Sembilan. Di Kuala Pilah terdapat 78 jawatan Adat iaitu orang-orang Besar dan Dato-Dato Lembaga yang mendapat elaun bulanan berjumlah di antara \$37.83 dengan \$400.00. Walau jawatan-jawatan ini tidak banyak elaunnya, ia menjadi rebutan di kalangan ahli masyarakat Adat Perpatih kerana statusnya dipandang tinggi.

mendorong individu untuk mempertahankan haknya pada satu-satu bidang tanah. Akibatnya, berlakulah pemilikan berkongsi secara beramai-ramai. Perkara ini boleh menghalang atau melembabkan sebarang usaha pembangunan tanah adat.

Tegasnya, di Negeri Sembilan, dengan adanya Adat Perpatih, maka faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pertanian dan tanah terbiar lebih banyak lagi dari yang terdapat di negeri-negeri lain di Semenanjung. Mungkin inilah sebabnya kenapa masalah tanah terbiar (khususnya tanah sawah) lebih teruk di negeri ini.

Punca kemerosotan pertanian dan tanah terbiar telah dianalisis dan berdasarkan analisis ini pihak kerajaan telah berusaha mencari jalan mengatasi masalah ini. Namun begitu, masalah ini masih berterusan. Seolah-olah ada sesuatu yang tidak kena dengan usaha penyelesaian yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Pada hemat penulis masalah ini tidak akan dapat diatasi jika penganalisaan mengenainya tertumpu kepada satu segi sahaja iaitu dari segi pekebun-pekebun kecil yang terlibat. Isu ini mesti dikaji dengan mengambil kira perancangan pembangunan negara secara menyeluruh. Beberapa perkara pokok tentang pembangunan mesti dipersoalkan. Apakah wajar kita membuka tanah baru seperti yang dijalankan oleh FELDA atau membuka tanah pinggir apakala tanah pertanian di kampung tradisional yang sedia ada tidak diusahakan? Mampukah kita menjalankan pembangunan pertanian dan perindustrian serta pembandaran secara serentak memandangkan penduduk negara yang hanya berjumlah 16 juta? Sebarang usaha pembangunan memerlukan tenaga manusia. Oleh itu pembangunan tani di kampung-kampung tradisional tidak mungkin berjaya selagi aliran penduduk ke rancangan FELDA, atau ke bandar terus berlaku.

Bibliografi

- Azizah Kassim, (1970) *Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- _____, (1986) *Wanita dan Pemilikan Tanah dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. *Ilmu Masyarakat*, April—Sept., hlm. 1—8.
- _____, (1988) (a) *Women, Land and Gender Relations in Negeri Sembilan*, *Southeast Asian Studies* CSEAS, Universiti Kyoto, Vol. 26, No. 2, September, hlm. 132—149.
- _____, (1988) (b) *Patterns of Land ownership and Inheritance in Negeri Sembilan: Some Implications for Agricultural Development*. *Southeast Asian Studies*, CSEAS, Universiti Kyoto, Disember 1989. (Akan terbit).
- Hj. Harun Bin Mohd Arabee, (1980) *Faktor-Faktor yang Menyebabkan Wujudnya Masalah Tanah Terbiar*. Kerta kerja untuk *Bengkel Pembangunan Tanah Terbiar*, Serdang 5—7 Oktober.
- Mat Khalil bin Jamain, *Limitasi-limitasi Sosio-ekonomi Dalam Pembangunan Tanah Sawah Terbiar*. Kertas kerja untuk *Seminar Teknikal Jabatan Pertanian, Negeri Sembilan*, 11—13 November.

- Mokhtar bin Tamin, (1980) Isu-isu Dasar untuk Pembangunan Tanah-tanah Terbiar Pertanian, Kertas Kerja untuk *Bengkel Pembangunan Tanah Terbiar*, Serdang, 5—7 Oktober.
- Nyanen Thiran, (1981) *The Utilization of Unused Paddy Lands in Negeri Sembilan*, Tesis M.A. Universiti Pertanian, Malaysia.
- _____, *The Farmers Organization areas of Negeri Sembilan: A Socio-Economic Insight*. Bahagian perancangan dan Penyelidikan, Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.
- Suraidah bt. Jaafar, (1985/86) *Perkembangan Sosio-Ekonomi Negeri Sembilan di bawah Pimpinan Dato Mansur bin Othman, Menteri Besar Negeri Sembilan (1969—1978)*. Tesis B.A. Jabatan Sejarah, UKM.
- Zulkifly Hj. Mustafa & Shaik Mohd Noor Alam, (1985) Idle Agricultural Land in Peninsular Malaysia: Problems and Opportunities. *Malaysian Journal of Agricultural Economics* Vol. 2, No. 1, June, hlm. 36—53.

Laporan Kerajaan

- Buku Maklumat Perangkaan Getah Malaysia 1986*, Jabatan perangkaan Malaysia.
- Fifth Malaysia Plan, 1986—1990*. National Printing Department, Kuala Lumpur.
- Jadual Banci Taraf Pertanian Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan*. Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Mei 1985.
- Laporan Bulanan Pasar Tani*, Mei 1988. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Laporan Tahunan 1986*, Cawangan pembangunan, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.
- Peladang Jaya*. Majalah untuk Ahli-ahli Pertubuhan Peladang, Ogos 1988. Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur.
- Penerangan Ringkas projek pembangunan pertanian Negeri Sembilan Timur (Tiada Tarikh)*, Pejabat Pengarah Projek Kuala Pilah.
- Taklimat Pembangunan Bagi Pejabat Daerah Tanah dan Majlis Daerah Kuala Pilah Sempena Lawatan yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 20hb Ogos 1985.